

Ahli Pendang enggan tarik balik kenyataan

BH 17 FEB 2000

PERSIDANGAN Dewan Rakyat semalam kecoh apabila Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Mohd Nor (Pas-Pendang) bertikam lidah dengan beberapa penyokong kerajaan berkaitan dakwaan bahawa ramai pemimpin Umno membuat kenyataan menghina Islam.

Perbahasan usul terima kasih di atas titah ucapan Yang di-Pertuan Agong menjadi tegang apabila Fadzil mengatakan bahawa tindakan menghina Islam itu turut dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau kemudian membaca petikan dari majalah *MASSA* yang memetik Dr Mahathir berkata mengenai kesesuaian pelaksanaan hukuman merejam pezina dan memotong tangan pencuri, yang disifatkan menghina Islam.

Hujah Fadzil mendapat reaksi serta-merta Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Dr Mahadzir Mohd Khir (BN-Sungai Petani) yang meminta penjelasan lanjut mengenai tuduhan itu.

Mahadzir juga meminta Fadzil menarik balik kenyataannya kerana ia bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat Perkara 36 (6) yang melarang ahli Parlimen bersangka buruk terhadap ahli lain.

Bagaimanapun, Fadzil enggan menarik balik kenyataan itu sebaliknya menyifatkan ia adalah satu fakta yang dipetik dari majalah *MASSA*.

Keadaan menjadi semakin gamat apabila tiga penyokong BN lain iaitu Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis (Rompin), Datuk Ruhanie Ahmad (Parit Sulong) dan Wan Junaidi Tuanku Jaafar (Batang Lupar) bangun mendesak Timbalan Speaker, Datuk Lim Si Cheng, bertegas meminta Fadzil menarik balik kenyataan itu.

Suasana semakin hangat apabila Syed Azman Syed Ahmad (Pas-Kuala Terengganu) turut bangun dalam usaha membantu mengukuhkan kenyataan ketuanya.

Kekecohan hanya dapat diredakan apabila Mohamad Sabu (Pas-Kuala Kedah) bangun mencadangkan supaya perkara itu dirujuk kepada Jawatankuasa Pemilih yang dipengerusikan Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail.

Cadangan itu dipersetujui Lim, yang berkata beliau akan merujuk perkara itu kepada Jawatankuasa Pemilih yang ditubuhkan semalam untuk perbincangan lanjut, sebelum sebarang arahan lanjut dikeluarkan.

Sementara itu, suasana yang agak lembab pada sebelah petang terutama dengan hanya separuh sahaja ahli Parlimen berada dalam dewan ketika Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) mengambil bahagian dalam perbahasan, menjadi segar apabila beberapa ahli Parlimen BN mencetus beberapa isu.

Daripada isu kayu balak di Kelantan kepada royalti minyak dan penubuhan suruhanjaya bebas sebelum Ruhanie bangkit bertegas meminta penjelasan apabila Dr Tan menuduh Umno mengamal 'politik wang yang lebih besar dari raksaksa'.

Dengan meminta Dr Tan lebih berhati-hati dan tidak bersikap menjaga tepi kain orang, Ruhanie menimbulkan skandal Bukit Cina yang membabitkan DAP beberapa tahun lalu.

Fadzil yang menyambung perbahasan selepas berucap selama satu setengah jam kelmarin, menyambung perbahasan selama tiga jam lagi semalam. Dr Tan pula mengambil masa hampir satu setengah jam selepas itu.

Perbahasan usul terima kasih atas ucapan Yang di-Pertuan Agong diperuntukkan empat hari dan menteri diberi tempoh dua hari untuk membuat penggulungan, sebelum Belanjawan 2000 dibentang pada 25 Februari.